



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

JPPKK LANCAR PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2023-2027

PUTRAJAYA, 16 NOVEMBER 2023 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2023-2027 sempena Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), disini.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Mohd Zahari Ismail berkata, pelancaran OACP tersebut membuktikan JPPKK telah mengambil satu langkah ke hadapan untuk memerangi gejala rasuah dan salah tingkah laku integriti serta memupuk tadbir urus yang baik selaras dengan keperluan yang dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

“Dokumen ini dibangunkan sebagai panduan dan penunjuk arah kepada warga kerja dan pelanggan jabatan dalam mendukung usaha pemantapan governan, integriti, dan antirasuah agar setiap aktiviti dan program penyampaian fungsi jabatan sentiasa bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa, dan penyelewengan,” katanya.

Tambahnya, warga JPPKK perlu menghayati dan memelihara imej perkhidmatan awam sebagai entiti awam berintegriti yang menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus.

Menurutnya lagi, OACP JPPKK 2023-2027 adalah mekanisme bagi mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau, dan diukur untuk mengurangkan karenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
16 NOVEMBER 2023**

LAMPIRAN BERGAMBAR



Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi, Dato' Dr. Megat Sany Megat Ahmad Supian bersama Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kamaludin Daud ketika melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2023-2027 sempena Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT